ملحوظة إلى الأستاذ المونتاج: تفتح من اليسار إلى اليمين (كاللغة الإنجليزية)

Saya Adalah Satu Muslim

Pengarang

Mohamed asharaf salah

Ulangkaji

banyak Azhar sarjana-sarjana

Agama: Pertama

نموذج رقم « ١٧ »

بسم الله الرحمن الرحيم

الأزهـــر الشريف مجمـع البحـوث الاسـلامية الادارة العـامة للبحـوث والتأليف والترجمـة	AL - AZHAR AL - SHARIF ISLAMIC RESEARCH ACADEMY GENERAL DEPARTMENT For Research, Writting & Translation

السيد / محمد أشرف صلاح

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ــ وبعد :

بناء على الطلب الخاص بفحص ومراجعة كتاب : "أنا مسلم" باللغة الماليزية تأليف : سيا دتلم من ٢٢ صفحة .

نفيد بأن الكتاب المذكور ليس فيه ما يتعارض مع العقيدة الاسلامية ولا مانع من طبعه ونشره على نفقتكم الخاصة .

مع التأكيد على ضرورة العناية التامة بكتابة الآيات القرآنية والأحاديث النبوية الشريفة والالتزام بتسليم ٥ خمس نسخ لمكتبة الأزهر الشريف بعد الطبع .

والله الموفق ،،،

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته ،،،

مدير عام
ادارة البحوث والتأليف والترجمة

تحريرا في ٢٢ / ٢ / ١٤٢١ هـ
الموافق ٧ / ٢ / ٢٠٠١ م

Agama: Pertama

تقديم

فضيلة الشيخ الدكتور

محمد بن أحمد إسماعيل المقدم

الحمد لله وكفي، وسلام علي عباده الـذين اصـطفي، لاسـيما عبـده المصطفي.

أما بعد،

ففي هذه الرسالة اللطيفة محاولة لجمع أشتات رؤوس قضايا الإيمان والعقيدة، عالجها أخي المفضال / محمد بن أشرف سليم

أسأل الله أن يجزيه ما يتمناه، وأن يطيـل في أفيـاء العافيـة بقـاه، وأن يُحسن عاقبته ومثواه .

والحمد لله رب العالمين .

Saya Adalah Satu Muslim

hak bagi percetakan dan distrution dan terjemahan untuk mana-mana orang muslim

jumlah sah 2008/22274
nombor antarabangsa 977/6157/46/5

Pour distribution charitable :

Contracter : 0020101459613

For suggestions e-mail:
anamuslim@windowslive.com

WWW.Iam-Muslim.com

Pertama:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang MahaPemurah, lagi Maha Mengasihani

﴿ وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴾ [آل عمران : ٨٥]

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

A-LI'IMRAAN 85

RUKUN IMAN

Iman itu ialah

Katakanlah ialah Allah Yang Maha Esa

Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat.

Dia tiada beranak dan Dia pula tidakdiperan-akkan

Dan tidak ada sesiapapun yang serupadeng an-Nya

Sesungguhnya Kami menciptakan setiapsesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan

Sesungguhnya bagi Allah nama

Pertama : Sesungguhnya -Allah mempunyai nama-nama yang indah dan sifat -sifat yang tinggi yang menunjukkan atas sifat-sifat yang sempurna,ti-dak ada sesuatupun kekurangan padaNya dalam se-mua perkara, tidak menyerupaiNya oleh sesuatu dan

tidak ada yang menyengutuiNya sesuatu darip-ada makhlukNya.

Sebahagian daripada namaNya ﷻ *"Al-Hayyu"* (Yang Maha Hidup) dan Dia mempunyai sifat"Hay-at" (hidup) yang wajib disabitkan kepada Allah dengan sesempurnanya menurut yang layak bagiNya. Hidup ini ialah hidup yang- sempurna dan abadi, berhimpun padanya semua jenis kesemp-urnaan yang terdiri daripada ilmu, kudrat dan lainnya, tidak pernah didahului oleh tiada dan tidak akan diikuti oleh fana (kemusnahan).

Firman Allah Taala:

Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, Yang tetap hidup, kekal mentadbir(sekalian makhluk) selama-lamanya . Yang tidakmengantuk usahkan tidur

Apabila kita menafikan daripada Allah sifat mengantuk dan tidur bererti kita telah mengisbatkan

kepadaNya sempurna kekuasaan Nya dan - dengan menafikan sifat tidur bererti kita mengisbatkan kepadaNya sempurna hidup, demikianlah semua sifat yang dinafikan daripada Allah ﷻ ianya mengandungi isbat sifat kesempurnaan di sebaliknya, Dialah Yang Maha Sempurna dan selain daripadaNyaadalah bersifat kurang.

Firman Allah Taala:

Beriman dengan nama-nama Allah, sifatsifat-Nya dan perbuatan Nya merupakan satusatunyajalan untuk mengenali Allah dan beribadat kepada Nya, kerana Allah tidak dapat dilihat oleh makhluk semasa hidup di dunia dengan penglihatan mata maka dibuka bagi mereka pintu ilmu yang membolehkan mereka mengenali Tuhan,'*Ilah'* yangmereka sembah, mereka menyemb-ahNya berdasarkanpengetahuan yang sahih lagi sempurna, seorang hamba menyembah Tuhan yang telah disifatkan,sebaliknya

(*al-mu'attil*) orang yang tidak percaya kepada sifat-sifat Allah menyembah sesuatu yang tiada dan (*al-mumassil*) orang yang menyamakan Allah dengan makhluk menyembah berhala. Seorang muslim menyembah Allah Yang Esa, Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk, Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesiapapun yang setara dengan Nya

Telah sabit dalam As - Sunnah bahawa Nabi ﷺ telah mendengar seorang lelaki berkata:

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Engkau bahawasanya bagiMu segala pujipujian dan tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Yang Mengasihani, Yang Mencipta langit dan bumi, Yang Memiliki Kebesaran dan Kemurahan, Yang Maha Hidup lagi Maha Mengawasi

"Adakah kamu tahu apakah hak Allah ke atas hambaNya dan hak seorang hamba ke atas Allah".

Jawab Mu'az : 'Hanya Allah dan RasulNya yang mengetahui'. Sabdanya : "Hak Allah ke atas hambaNya ialah mereka mesti menyembahNya dan jangan sekali-kali melakukan syirik terhadapNya dengan sesuatupun dan hak seorang hamba ke

semua pengharapan kepada selainNya dan cukuplah meminta kepadaNya, memohon bantuan daripadaNya, takut dan gerun kepadaNya daripada semua yang lain daripadaNya. Firman Allah Taala:

Bersifatnya Allah dengan kekuasaan dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah,Dialah sahaja Tuhan Yang Sebenar-benarnya dan bahawa segala yang mereka sembah selain daripada Allah itulah yang nyata palsunya dan (ingatlah)sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaanNya, lagi Maha Besar (kekuasaanNya).

RUKUN KEDUA:

BERIMAN DENGAN MALAIKAT

Dijadikan malaikat daripada cahaya dan dijadikan jin daripada api yang menjulang serta dijadikan manusia daripada benda yang disifatkan kepada kamu Beriman dengan Malaikat: ialah iktikad dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah mempunyai malaikat yang dijadikan daripada cahaya yang telah ditentukan untuk melakukan ketaatan, tidakmelakukan sebarang maksiat terhadap Allah dan melaksanakan semua arahan yang diperintahkan, mereka sentiasa bertasbih kepada Allah malam dan siang dengan tidak pernah berasa jemu, tidak diketahui bilangan mereka kecuali Allah. Allah telah menetapkan ke atas mereka tugas dan tanggungjawab yang bermacam-macam.

Semuanya beriman kepada Allah, malaikat mal-

aikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya.Mereka berkata: Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari rasul-rasulNya

Beriman dengan malaikat secara umum dan terperinci.

Beriman dengan malaikat secara umum mengandungi perkara berikut:

Pertama: Mengakui kewujudan mereka,mereka adalah makhluk ciptaan Allah yang diciptakanuntuk beribadat kepadaNya, kewujudan mereka adala hakiki, kita tidak dapat melihat mereka bukanbermakna mereka tidak wujud, buktinya berapa banyak makhluk lain dalam alam ini yang kita tidak nampak, sedangkan ianya memang wujud.

Rasulullah ﷺ telah melihat Jibrail dengan rupanya yang asli, mempunyai sayap, setiap helai sayapnya memenuhi ufuk”.

Meletakkan taraf kedudukannya pada tempat yang telah Allah tentukan kepada mereka, mereka adalah hamba-hamba Allah yang diberi arahan (tugas), Allah telah memuliakan mereka dengan mengangkat martabat kedudukan yang hamper denganNya, sebahagian daripada mereka menjadi utusan menyampaikan wahyu, mereka tidak berkuasa melakukan sesuatu perkara kecuali dengan kuasa yang Allah berikan kepada mereka, mereka tidak memiliki kuasa untuk memberi manfaat atau memudharatkan diri mereka atau orang lain selain daripada kuasa Allah, kerana itu tidak harus melakukan sebarang ibadat kepada mereka apalagi menjadikan mereka memiliki beberapa sifat ketuhanan (*ArRububiyyah*) sebagaimana iktikad orang - orang Nasrani (Kristian) dengan Ruh Al - Qudus (Jibrail)

Pertama: Jibril dan dinamakan juga dengan **Jibrail**, dia ialah Ruh Al-Qudus yang menurunkan

wahyu. Dan dengan wahyu inilah telah dapat menghidupkan hati-hati ke atas rasul-rasul*'alahimussalam*.

Kedua: Mikail, dinamakan juga dengan **Mikal**. Dia telah ditugas menurunkan hujan yang menghidupkan bumi . Dan membawanya ke tempat yang telah diarahkan oleh Allah ﷻ.

Ketiga: Israfil. Ditugaskan untuk meniup serunai sangkakala yang dengannya berakhirlah kehidupan dunia dan bermulalah kehidupan akhirat,yang akan menghidupkan semua jasad.

Keempat: Sifat-sifat Malaikat.

Malaikat ialah suatu makhluk yang memang wujud, mempunyai jisim yang hakiki serta bersifat dengan sifat-sifat kejadian (bentuk luaran) dan sifat akhlak yang baik, antaranya:

a) Besar kejadian serta tubuh badan mereka.

Allah ﷻ telah mencipta malaikat dengan bentuk yang besar dan kuat, sesuai dengan tugas mereka yang mulia sama ada di langit dan di bumi.

b) Mereka mempunyai sayap - Allah menciptakan bagi mereka sayap, ada yang mempunyai dua, tiga dan empat atau lebih, sebagaimana Rasulullah ﷺ telah melihat rupa Jibrail yang sebenar mempunyai 600 sayap yang memenuhi ufuk.

RUKUN KETIGA:

BERIMAN DENGAN KITAB

Beriman dengan kitab-kitab Allah yangditurunkan ke atas rasul-rasul *'alaihimussalam* ialah Rukun Iman yang ketiga, kerana Allah Taala telah mengutuskan rasul-rasul Nya dengan bukti-bukti yang jelas serta menurunkan kepada mereka kitab-kitab yang menjadi rahmat kepada alam semesta. Menjadi petunjuk kepada mereka untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat, juga sebagai pedoman hidup yang akan mereka lalui dam penyelesai kepada semua perkara yang menjadi perselisihan dikalangan mereka.

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ,

Taurat ialah kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa

Injil ialah Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi ‘Isa ﷺ,

Zabur ialah Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Daud ﷺ .

Iaitu Suhuf yang telah diberi oleh Allah kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa ﷺ.

Beriman dengan kitab - kitab ialah mengakui dengan sepenuhnya bahawa bagi Allah Kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul -rasul ﷺ. Kitab-kitab itu adalah kalam Allah yang hakiki, ianya membawa cahaya dan petunjuk, semua isi kandungannya hak, benar dan adil. Kita wajibmengikutinya dan beramal dengannya, tidak diketahui bilangannya kecuali Allah.

Firman Allah Taala:

petunjuk dan hikmah daripada penurunannya.

Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul akan menjadi rujukan bagi umatnya, mereka merujuk kepadanya untuk mengetahui agama mereka.

Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul akan menjadi sumber hukum yang adil kepada umatnya dalam semua perkara yang menjadi perselisihan.

Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul - rasul akan menjaga agama selepas kewafatan rasul tersebut, walaupun panjang jarak masa dan tempat, sebagaimana keadaan dakwah Nabi kita Muhammad ﷺ.

Supaya kitab-kitab ini menjadi hujjah Allah Taala ke atas hambaNya, tidak mungkin mereka menyalahinya atau keluar dari mengikutinya.

Firman Allah Taala: **Al-Quran Al-Karim**.

penamat sekalian rasul, ia adalah kitab terakhir yang diturunkan, Allah telah menjamin untuk menjaganya daripada sebarang penyelewengan dam pengubahan serta menjadikannya *nasikh* (pembatal)semua kitab-kitab yang lain.

Firman Allah Taala

RUKUN KEEMPAT:

ERIMAN DENGAN RASUL

Beriman dengan rasul-rasul *'alaihimussalam* ialah salah satu daripada Rukun Iman dan tidak sempurna iman seseorang hamba tanpanya.

Beriman dengan rasul-rasul: ialah iktikad dengan yakin bahawa Allah ﷻ mempunyai rasul-rasul yang dipilih untuk meyampaikan risalah Nya,sesiapa yang mengikut rasul maka dia telah mendapat petunjuk dan sesiapa yang menderhaka kepada rasul sesungguhnya dia telah terpesong daripada jalan yang benar. Mereka telah meyampaikan semua ajaran yang diturunkan oleh Allah dengan keterangan yang nyata, mereka telah menunaikan amanah dan menasihati ummah, berjihad pada jalan Allah dengan sebenar-benar jihad, mendirikan hujjah dan tidak sekali-kali menukar, mengubah atau menyembunyikan sesuatu yang disampaikan kepada mereka.

Kita beriman dengan rasul yang telah disebut nama mereka oleh Allah dan juga rasul yang tidak disebut nama mereka. Setiap rasul menyampaikan khabar gembira dengan kedatangan rasul selepasnya dan yang terakhir pula akan membenarkan rasul-rasul sebelumnya.

﴿وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوٓاْ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ﴾ [المطففين:٣٢]

﴿يَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِي ٱتَّخَذْتُ مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا﴾ [الفرقان:٢٧]

Dan apabila mereka melihat orang-orang yang beriman, mereka berkata: Sesungguhnya orang-orang itu adalah golongan yang sesat!

Ibrahim untuk mengalahkan kaumnya - Kami tinggikan pangkat-pangkat (kedudukan) sesiapa yang Kami kehendaki.

﴿وَقَالُواْ مَا لَنَا لَا نَرَىٰ رِجَالًا كُنَّا نَعُدُّهُم مِّنَ ٱلْأَشْرَارِ﴾ [ص:٦٢]

Dan penduduk Neraka itu tetap akan bertanya sesama sendiri : Mengapa kita tidak melihat orang-

orang yang dahulu kita kirakan mereka sebagai orang-orang jahat .

Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. Dan Kami telah kurniakan kepada Nabi Ibrahim: (anaknya) **Ishak** (dari isterinya Sarah) dan (cucunya) **Yaakub**. Tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami telah kurniakan petunjuk dan juga Nabi **Nuh** Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu dan dari keturunan Nabi Ibrahim itu (ialah Nabi-nabi): **Daud, Sulaiman, Ayub,Yusuf, Musa** dan **Harun** dan demikianlah Kami berikan balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. Dan (dari ketur-unannya juga ialah Nabi-nabi): **Zakaria, Yahya, 'Isa**

Firman Allah Taala:

Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman): Kami beriman kepada Allah dan kepada kitab yang diturunkan kepada kami (Al-Quran) dan kepada kitab yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ishak, Nabi Yaakub serta anakanaknya

dan juga kepada kitab yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi 'Isa (Injil) dan kepada kitab yang diberikan kepada nabi-nabi dari-pada Tuhan mereka, kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka (sebagaimana kamu -Yahudi dan Nasrani membeza - bezakannya) dan kami semua tunduk dan patuh (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah semata-mata"-Sesiapa yan gmendustakan rasul sesungguhnya dia telah mendustakan Tuhan yang membenarkannya dan sesiapa yan gmenderhaka kepada rasul sesungguhnya dia telah menderhaka kepada Tuhan yang menyuruh mentaatinya. Firman Allah Taala:

Syafaatku untuk orang-orang yang melakukan dosa besar daripada umatku

Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan budi pekerti (akhlak) yang mulia".Nabi-nabi yang terdahulu itu ialah orang-orang yangmenyampaikan syariat Allah serta mereka takut untuk melanggar perintahNya dan mereka pula tidak takut

kepada sesiapa pun melainkan Allah dan cukuplah Allah menjadi Penghitung segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka

Bilangan Nabi dan Rasul serta yang terafdhal di kalangan mereka.

Telah sabit bahawa bilangan rasul -rasul*'alaih-imussalam* lebih dari 300 orang, kerana sabda Nabi ﷺ ketika ditanya tentang bilangan rasul-rasul

Dan (apabila ahli-ahli Syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli Neraka dengan berkata:

﴿أَن قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا﴾ [الأعراف:٤٤]

Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka adakah kamu juga telah - dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itusemuanya betul? Mereka menjawab: Benar ada. Kemudian berserulah penyeru (malaikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: Bahawa laknatAllah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim.

RUKUN KELIMA:

BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT

Iaitu iktikad (percaya) akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat selepasnya, ianya bermula dengan kematian dan kehidupan di alam barzakh (kubur), diikuti denganberlakunya kiamat kemudian dibangkitkan semula (seluruh manusia) dan dihimpunkan di PadangMahsyar, selepas itu mereka akan menerima balasan sama ada ke syurga atau neraka.

Iaitu tanda yang menunjukkan hampirnya kiamat, tanda-tanda ini sangat banyak, kebanyakannya telah berlaku walaupun tidak kesemuanya, antaranya:

Telah disampaikan kepadaku bahawa Titian Sirat itu lebih halus daripada rambut dan lebih tajam daripada pedang".

Tanda-tanda kiamat yang besar.

Iaitu tanda-tanda atau alamat yang akan berlaku apabila hampir kiamat dan peringatan kepada permulaan akan terjadinya kiamat, tanda-tanda tersebut terdapat sebanyak-perkara dan belum ada yang terjadi lagi sehingga sekarang.

Keluarnya Imam Mahdi.

Munculnya Dajjal.

Turunnya Nabi 'Isa عليه السلام dari langit dan melaksanakan pemerintahan yang adil, mematahkan salib, membunuh Dajjal dan khinzir, menghapuskan *jizyah* (bayaran cukai yang dikenakan ke atas orang kafir yang berada di dalam negara Islam) danmelaksanakan syariat (perundangan) Islam.

Keluarnya Ya'juj dan Ma'juj dan kemudiannya Nabi 'Isa عليه السلام berdoa supaya mereka dimatikan.

Berlaku tiga *khusuf* (manusia ditelan bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab.

Keluarnya asap tebal dari langit yang menyelubungi dan menutupi manusia.

Diangkatkan Al-Quran dari bumi ke langit.

Terbitnya matahari dari sebelah barat.

Keluarnya *Dabbah* (binatang besar yang keluar dari Bukit Safa).

Keluarnya api besar dari sebelah 'Adan (Yaman) menghalau manusia menuju ke arah Syam(Syria dan Jordan), inilah alamat besar yang terakhir.

Imam Muslim telah meriwayatkan daripada Huzaifah bin Usaid Al-Ghifari رضي الله عنه

Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan

Kalau sekiranya aku tidak takut kamu tidak dapat mengebumikan mayat ke dalam kubur, nescaya aku berdoa agar Allah memperdengarkan kepada kamu siksaan yang berlaku di dalam kubur

Tuhanku ialah Allah, agamaku Islam dan nabiku Muhammad

Pengertian Qadar dan kepentingan beriman dengannya

Al-Qadr: ialah ketentuan Allah ﷻ ke atas seluruh alam semesta mengikut ilmuNya yang azali dan kebijaksanaanNya. Ianya kembali kepada kekuasaan Allah Taala. Sesungguhnya Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu dan berkuasa melakukan perkara yang dikehendakiNya.

Beriman dengan Qadar termasuk dalamberiman dengan *Rububiyyah* (kuasa mencipta danmentadbir) Allah ﷻ. Ia merupakan salah satu daripada Rukun Iman dan tidak sempurna iman seseorang kecuali dengan beriman kepadanya.

Allah telah menulis semua ketentuan yang akan berlaku kepada makhluk ribu tahun sebelum dijadikan langit dan bum

Martabat Qadar

Tidak sempurna beriman dengan Qadar kecuali dengan menyempurnakan empat martabat, iaitu:

Pertama: Beriman dengan ilmu Allah yang azali yang meliputi setiap sesuatu.

Firman Allah Taala

Bukankah engkau telah mengetahui bahawasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya yang demikian itu ada tertulis di dalam Kitab

Apakah engkau mahu menjadikan aku sekutu bagi Allah? Tetapi katakanlah: Bahkan dengan kehendak yang diinginkan oleh Allah Yang Maha Esa". (H.R. Ahmad).

Keempat: Beriman bahawa Allah adalah pencipta semua makhluk

Mereka akan dipuji dengan sebab melakukan perkara yang terpuji dan akan dicerca dengan sebab melakukan perkara yang tercela. Allah tidak menyeksa mereka kecuali dengan perkara yang menjadi pilihan hamba untuk melakukannya

Seorang hamba wajib melaksanakan dua perkara dalam beriman dengan Qadar:

Pertama: Hendaklah memohon pertolongan daripada Allah untuk melaksanakan perkara yang ditentukan dan menjauhi laranganNya. Hendaklah berdoa agar Allah mempermudahkan baginya untuk mendapat kesenangan dan menjauhkannya daripada kesusahan di samping bertawakkal kepada Allah dan meminta perlindungan daripadaNya, maka jadilah ia sentiasa bergantung dengan Allah untuk mendapatkan perkara yang baik dan meninggalkan kejahatan. Sabda Nabi ﷺ:

Beramallah! Sesungguhnya setiap orang akan dipermudahkan baginya melakukan perkara yang dijadikan untuknya. Sekiranya dia ahli syurga,dimudahkan baginya melakukan amalan orang - orang yang bertuah dan sekiranya dia ahli neraka maka dipermudahkan baginya melakukan amalan orang-

orang yang celaka". Kemudian Baginda membaca ayat

Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan disukai oleh Allah daripada mukmin yang lemah dan semua orang mukmin baik.

Hendaklah kamu banyak melakukan perkara yang mendatangkan manfaat kepadamu. Mintalah pertolongan dengan Allah dan jangan mudah berasa lemah. Sekiranya bala menimpa kamu maka jangan kamu berkata: 'kalaulah aku lakukan begini tentu ia akan jadi begini' tetapi katakanlah: 'Allah telah menentukannya dan setiap yang dikehendakiNya akan dilakukan Ny Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

kerana perkataan 'kalau' akan membuka peluang kepada syaitan

بسم الله الرحمن الرحيم

﴿ وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴾

[آل عمران:٨٥]

للمساعدة في التوزيع الخيري اتصل على ٠٠٢٠١٠١٤٥٩٦١٣

للاقتراحات اتصل على البريد الإلكتروني anamuslim@windowslive.com

WWW.Iam-Muslim.com

دار الخلفاء الراشدين

١٤٣١ هـ - ٢٠١٠م

جميع الحقوق مكفولة لكل مسلم ومسلمة

رقم الإيداع: ٢٠٠٩/٢٢٢٧٤

الإدارة : ٠١٠٥٠١٣١٥١ المبيعات: ٠١٢٠١٥٢٩٠٨

كتاب لا غنى عنه لكل مسلم ومسلمة

أنا مسلم

باللغة الماليزية

محمد أشرف صلاح

توزيع

دار الخلفاء الراشدين
الإسكندرية- أبو سليمان- ش عمر
أمام مسجد الخلفاء الراشدين
٠١٠٦٧١٤٧٦٨

دار الفتح الإسلامي
الإسكندرية- مصطفى كامل
بجوار مسجد الفتح الإسلامي
٠١٢٥٨٣٤٥٧٤